



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: KOSMO	MUKA SURAT	: 4
TARIKH	: 25/11/2018		
JABATAN	: YBM / JMG		
0140KLASIFIKASI	: <b>PERHATIAN</b>		

# Gunung Jerai dimasyhur Geopark Kebangsaan

Oleh ZAID MOHD. NOOR

YAN - Jerai Geopark di sini dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan sempena pertabalan Sultan Kedah ke-29, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah pada 22 Oktober lalu.

Pemasyhuran itu disempurnakan Sultan Sallehuddin di

kaki Gunung Jerai, Guar Chem-pedak dekat sini semalam. Menteri A/R Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar berkata, kajian pembangunan Jerai Geopark bermula pada tahun 2016 yang diteliti Jabatan Mineral dan Geosains Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

“Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM107 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) untuk Projek Penilaian Potensi Pembangunan Geopark bagi pengkalan dan pemuliharaan sumber semula jadi negara. “Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM685,000 telah

disalurkan kepada Jabatan Mineral dan Geosains Kedah, Perlis dan Pulau Pinang bagi melaksanakan kajian dan penyelidikan yang lengkap dan terperinci pada tahun 2017 hingga 2018” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Pemasyhuran Jerai Geopark berkeluasan 800

kilometer persegi sebagai Geopark Kebangsaan. Geopark merupakan satu istilah bagi menerangkan konsep pembangunan lestari yang memfokuskan pemuliharaan sumber warisan semula jadi di samping memartabatkan sejarah dan budaya serta merancaikan ekonomi tempatan.